

21/05/2002

Megat Junid mantapkan jentera penerangan Umno

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Isnin - Tan Sri Megat Junid Megat Ayob memulakan tugas barunya sebagai Ketua Penerangan Umno hari ini, dengan melantik 15 lagi ahli Jawatankuasa Pusat Penerangan bagi memantapkan jentera penerangan parti itu.

Megat Junid (gambar) berkata, anggota baru jawatankuasa itu meliputi ahli korporat, ahli akademik dan pengamal media, yang diharap dapat memberikan pandangan serta maklum balas lebih berkesan bagi memantapkan prestasi Umno.

"Selepas meneliti senarai Jawatankuasa Pusat Penerangan Umno pagi ini, saya mengambil keputusan menambah jumlah ahli daripada 35 orang yang sedia ada. Hari ini saja, saya sudah melantik 15 ahli jawatankuasa baru.

"Ada kemungkinan ia akan ditambah lagi. Saya belum memutuskan lagi had ahli yang akan dilantik," katanya ketika dihubungi Berita Harian, hari ini.

Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu dilantik sebagai Ketua Penerangan Umno yang baru, menggantikan Datuk Mustapa Mohamed yang melepaskan jawatan itu pada 12 April lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pelantikan itu pada 10 Mei lalu, tetapi Megat Junid baru pulang dari luar negara semalam dan memulakan tugasnya secara rasmi, hari ini.

Megat Junid berkata, Jawatankuasa Penerangan Pusat akan bermesyuarat pada 28 Mei ini, sebelum beliau 'turun padang' untuk berjumpa ketua penerangan Umno di semua bahagian.

"Oleh kerana sudah dua tahun tidak aktif dalam politik, saya perlu mendapatkan maklum balas daripada semua bahagian dan mengadakan perbincangan dengan mereka.

"Saya juga perlu mengadakan lawatan bagi menjalin hubungan dengan semua bahagian dan mengetahui kekuatan serta kelemahan parti pada setiap peringkat," katanya.

Beliau berkata, Umno perlu memperbetulkan hal dalaman parti itu terlebih dulu supaya lebih mantap.

Beliau juga bercadang mewujudkan kumpulan pemikir Umno bagi memastikan tidak wujud pertindihan pelaksanaan dan tanggungjawab, selain mempunyai matlamat sama untuk kepentingan parti.

Fokus terhadap usaha memantapkan parti, kata beliau, penting bagi menjamin kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

Terdahulu, ketika bercakap kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang, Megat Junid berkata usaha memperkukuhkan Umno penting kerana beliau tidak mahu kekalahannya di Parlimen Parit, Perak dan Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman di Sik, Kedah pada pilihan raya umum 1999, berulang, sedangkan kedua-dua kawasan itu ada ramai anggota Umno.

"Ini menjadi tanda tanya, dengan sebab itu kalau kita tumpukan kepada usaha mengukuhkan rumah tangga Umno, Insya Allah Umno akan dapat kemenangan besar dalam pilihan raya umum akan datang," katanya.

Dr Mahathir melakukan lawatan kerja dua hari ke Jepun sebelum meneruskan lawatan rasmi ke Korea Selatan pada Rabu ini.

(END)